



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

23 NOVEMBER 2021 (SELASA)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAH PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

23 NOVEMBER 2021 (SELASA)

KPDNHEP peruntuk dana RM5 juta, terima 144 permohonan daripada usahawan **Aktif majukan industri francais**

Oleh FAIZUL GHAZI

PUTRAJAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bersedia memohon peruntukan tambahan daripada kerajaan bagi membolehkan lebih ramai usahawan mendapatkan dana menerusi Program Pembangunan Francais Mikro dan Francais Mampu Milik.

Ketua Setiausahaanya, Datuk Seri Hasnol Zam Zam berkata, inisiatif itu penting ekoran sambutan menggalakkan diterima daripada penggiat industri francais terutamanya golongan B40 dan M40 yang berminat memohon dana berkenaan untuk memajukan perniagaan masing-masing.

Menurut beliau, sehingga kini, pihaknya telah menerima sebanyak 144 permohonan daripada francaisor dan francais untuk mendapatkan dana keseluruhan berjumlah RM5 juta yang diperuntukkan bagi program berkenaan pada tahun ini.

"Kita akan melakukan tapisan secara terperinci bagi mengenal pasti lapan francaisor dan



HASNOL (tiga dari kanan) bergambar bersama penerima senarai akhir Anugerah Francais Malaysia yang akan disempurnakan oleh Perdana Menteri pada 1 Disember ini.

sembilan francais yang layak menerima dana berkenaan.

"Kami menawarkan dana maksimum sehingga RM100,000 untuk francaisor, manakala untuk francais maksimum 90 peratus iaitu antara RM50,000 hingga RM100,000 bergantung kepada jenis perniagaan dan permohonan dibuat," katanya.

Beliau berkata demikian pada

sidang akhbar bersempena pengumuman senarai 32 peserta akhir penerima Anugerah Francais Malaysia 2021 di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi Persatuan Francais Malaysia (MFA), Datuk Dr. Radzali Hassan; Pengerusi Malam Anugerah Francais Malaysia 2021, Datuk Zahriah Abd. Kadir dan Pengerusi Anugerah Francais Malaysia 2021,

Prof. Dr. Azmawani Abd. Rahman.

Majlis penyampaian Anugerah Francais Malaysia 2021 dijangka disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 1 Disember ini.

Mengulas lanjut, Hasnol menjelaskan, majoriti permohonan diterima daripada penggiat industri makanan dan minuman serta sektor pendidikan yang

mendominasi industri francais di Malaysia sekarang.

Terdahulu, Hasnol berkata, kerajaan juga akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu mempromosikan industri francais negara ke peringkat antarabangsa termasuk menerusi Program Pengukuhan Pembangunan Francais untuk meningkatkan Eksport (EFDP) dengan kerjasama MFA.

Tambah Hasnol, program berkenaan berjaya menarik pelabur dari negara Timur Tengah, Afrika Tengah, Asia Selatan dan Indo-China.

Beliau berkata, antara jenama yang berjaya dan bergerak aktif dalam program EFDP adalah Global Art yang menandatangani perjanjian persefahaman dengan pelabur dari Maghribi, manakala Kenny Rogers Rosters bakal menandatangani perjanjian dengan pelabur dari Algeria pada bulan depan.

"Harapan saya agar lebih banyak lagi jenama francais tempatan akan menerima manfaat daripada inisiatif dilaksanakan KPDNHEP pada masa depan," katanya.

32 finalis berentap di pentas akhir

Oleh FAIZUL GHAZI

PUTRAJAYA – Seramai 32 finalis bakal berentap merebut gelaran pemenang bagi 17 kategori Anugerah Francais Malaysia 2021 yang akan disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 1 Disember ini.

Antara syarikat atau jenama tersenarai sebagai finalis Anugerah Francais Malaysia 2021 adalah Cambridge English for Life, Seng Heng, Global Art, The Manhattan Fish Market, Liviva, Ar-Rahn, 7-Eleven, Tealive, Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Utara Malaysia, Marrybrown, Myeodong Toppoki dan Penyet Penyet.com.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad berkata, penganjuran anugerah kali ke-23 itu bertujuan untuk memberikan pengiktirafan tertinggi kepada penggiat francais di Malaysia yang telah menunjukkan komitmen berterusan dalam meningkatkan kualiti dan prestasi cemerlang.

Menurutnya, anugerah tersebut juga mampu menjadi batu loncatan kepada syarikat francais untuk mengukuhkan jenama



HASNOL (kanan) menyerahkan sijil penghargaan kepada salah seorang wakil daripada jenama francais yang menjadi finalis Anugerah Francais Malaysia 2021 di Putrajaya semalam.

mereka di peringkat nasional mahu pun antarabangsa.

"Saya berkeyakinan penuh bahawa jenama yang bertanding mempunyai kualiti yang cemerlang dan berpotensi untuk berkembang maju.

"Nama finalis ini adalah jenama francais yang telah terpilih dan mempunyai kelayakan untuk menerima penganugerahan berprestij ini," katanya.

Bellau berkata demikian pada sidang akhbar mengumumkan

nama peserta akhir Anugerah Francais Malaysia 2021 di sini semalam.

Mengulas lanjut, Hasnol menjelaskan, KPDNHEP melihat program anugerah berkenaan sebagai satu usaha dan sumbangan

Persatuan Francais Malaysia dalam memartabatkan industri francais negara.

Sehubungan itu, Hasnol berkata Kementerian akan sentiasa menyokong usaha murni MFA dalam memacu industri francais negara ke arah lebih cemerlang.

Tambah bellau, keprihatinan KPDNHEP terhadap penggiat industri francais bukan retorik semata-mata, namun ia dizahirkan dengan pemberian pelbagai inisiatif.

"Semua ini dibuat untuk memastikan kebajikan usahawan dan peniaga francais terbela dan seterusnya merancakkan proses pemulihan ekonomi negara yang sedang berlangsung," katanya.

Bellau berkata sehingga kini lebih 1,000 jenama francais berdaftar dengan KPDNHEP yang menawarkan pelbagai peluang perniagaan francais kepada orang ramai.

"Bagi meningkatkan lebih ramai usahawan francais dan mencipta peluang perniagaan berdaya maju kepada golongan B40 dan M40 serta penggiat francais KPDNHEP memperkenalkan Program Pembangunan Francais Mikro dan Francais Mampu Milik dengan peruntukan berjumlah RM5 juta tahun ini," katanya.

FRANCHISE BUSINESSES

Plans to ensure welfare of entrepreneurs

PUTRAJAYA: Various initiatives will be undertaken to ensure that the welfare of entrepreneurs and franchise businesses is secure.

Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry secretary-general Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad said this was to enliven the economic activities in the country towards the planned economic recovery.

"I call upon all franchise industry players to give their full support and cooperation towards these initiatives," he said after announcing 53 nominations for the 17 brand categories for the "Malaysian Franchise Awards 2021" at the Putrajaya Marriott Hotel here yesterday.

Present were Malaysian Franchise Association chairman Datuk Dr Radzali Hassan, the ministry's trade, distribution and business sector senior director Shamshuzaman Sulaiman, awards night organising chairman Datuk Zahriah Abd Kadir and Malaysian Franchise Award



Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry secretary-general Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad (centre) and Malaysian Franchise Association chairman Datuk Dr Radzali Hassan (left) speaking to a representative of a brand nominee for the 'Malaysian Franchise Awards 2021' in Putrajaya yesterday. PIC BY MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

chairman Professor Azmawani Abd Rahman. The awards will be announced on Dec 1.

Hasnol Zam Zam said the awards were a platform for the highest recognition for franchise players in the country, who had demonstrated continued commitment towards promoting excellent quality and prestige.

"I have been told that a total of 53 candidates have been nominated for the 17 awards.

"There are also two special appreciation awards. I am fully confident that the brands vying for the awards are of excellent qual-

ity which have the potential to develop further," he said.

The nominations, he added, were screened by a panel comprising representatives from government agencies, corporate organisations, professionals and higher learning institutions.

"The ministry views these awards as a contributing effort from MFA in dignifying the country's franchise industry, which should be lauded.

"We always support good initiatives by all towards spurring the franchise industry to excellence," said Hasnol Zam Zam.

Peniaga turut guna minyak peket

KERIAN – Kekurangan minyak peket yang sebelum ini berlaku di Pulau Pinang turut dilaporkan berlaku di Perak disebabkan permintaan tinggi di pasaran.

Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna negeri Perak, Datuk Abdul Yunus Jamhari berkata, berdasarkan maklumat awal minyak masak peket itu turut dibeli oleh pengguna bukan isi rumah.

Ujarnya, pemeriksaan daripada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak mengesahkan perkara itu berlaku kerana harga harga minyak botol lebih tinggi berbanding minyak peket.

"Walaupun kerajaan menasaskan isi rumah sahaja menggunakan minyak peket tapi kita sedia maklum ramai golongan yang menggunakan minyak masak tersebut antaranya peniaga-peniaga makanan, kedai makan, restoran dan pasar malam.

"Pembelian yang tinggi menyebabkan bekalan minyak masak peket berkurangan," ujarnya kepada pemberita ketika ditemui



SEORANG anggota penguat kuasa KPDNHEP negeri Perak melakukan pemeriksaan bekalan minyak masak peket di sebuah premis perniagaan sekitar Kuala Kurau, Kerian semalam.

pada majlis penyerahan dron sumbangan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan di Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Kurau dekat sini.

Jelas Abdul Yunus, pihak KPDNHEP negeri Perak sedang mem-

buat pemantauan dan pemeriksaan pada semua peringkat termasuk rantai bekalan merangkumi pemborong serta peruncit untuk melihat masalah yang berlaku sekali gus menyelesaikan isu tersebut.

Isu minyak masak peket, seperti tiada penghujung..



**BICARA
BISNES**

MEOR SHAHROM
ZAINUDDIN

ISU kekurangan bekalan minyak masak peket di beberapa negeri telah lama diperkatakan sejak tahun lepas lagi.

Seperti biasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) selalu mengeluarkan kenyataan bahawa bekalan sentiasa mencukupi untuk kegunaan orang ramai.

Sebenarnya orang-ramai sudah 'bosan' dengan keterangan pihak berkuasa mengatakan 'bekalan mencukupi dan pemantauan berkala sering dibuat'.

Sepatutnya untuk jangka panjang, pihak berkuasa perlu mencari strategi baharu bagaimana untuk mengatasi kekurangan bekalan barangan keperluan secara lebih berkesan.

Malah pendekatan melalui saman ataupun lesen ditarik balik kepada mereka yang menyorok barangan keperluan perlu di semak semula kerana tindakan atau hukuman sedia ada tidak berkesan lagi.

Menurut pemerhati, kadang-kadang kekurangan bekalan barangan keperluan ini seperti dirancang oleh pihak tertentu untuk jangka

panjang.

Ia bertujuan supaya pengguna merasa bosan dengan fenomena kekurangan bekalan minyak masak peket sekali gus beralih kepada pembelian minyak masak botol walaupun harganya di kawal oleh kerajaan.

Jika ini terjadi, pastinya pembekal minyak masak akan semua beralih kepada bungkusan botol. Ini secara langsung lebih menguntungkan pemborong dan peniaga, tambahan di waktu harga minyak sawit yang meningkat ketika ini.

Di sebalik teori itu pastinya yang tersepit ialah golongan pendapatan rendah B40. Rata-rata mereka tidak mampu membeli minyak masak botol kerana harganya yang agak tinggi dan di luar kemampuan perbelanjaan harian.

Apa pun orang-ramai masih berharap janji kerajaan bahawa minyak masak peket akan terus berada di pasaran tempatan dengan harga subsidi.

Janji kerajaan memastikan bekalan mencukupi perlulah disahut oleh pihak berkuasa demi melindungi hak pengguna selain meringankan beban perbelanjaan isi rumah.

Diharap pihak berkuasa perlu melipatkan usaha bertindak mengatasi kekurangan bekalan dengan memantau bekalan minyak masak peket sama ada melibatkan pemborong atau peniaga secara berkala dan berterusan, bukannya berdasarkan aduan pengguna.

**Meor Shahrom Zainuddin
Editor Meja Bisnes*

Have more sales campaigns, ministry urged

LANGKAWI: The Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP) has been urged to hold more sales campaigns and carnivals to enable small and medium entrepreneurs (SME) to promote their products.

A chocolate entrepreneur Naimah Natzeri, 36, said the move would help SME like her to introduce their products, adding that the sales carnivals could also be a platform for them to bounce back after being affected by the Covid-19 pandemic.

"I think campaigns such as the Buy Malaysian Products implemented by KPDNHEP is a good initiative to help local SME, especially new ones like me," she told Bernama here recently.

She said the ministry should organise more programmes or sales carnivals nationwide to help entrepreneurs to promote their products as well as enable them to learn ways to increase the quality and packaging of their products.

Naimah said the Buy Malaysian Products sales carnival that was held at Dataran Chenang here recently was her first carnival experience, adding that she gained a lot from the programme.

She said the carnival allowed her to learn how other entrepreneurs promote their products and to do networking.

"During these sales carnivals, KPDNHEP will also review and evaluate our products and give recommendations especially related to packaging and labels, so I learned a lot about the right way to improve the quality of my products," she added.

Senarai Harga Barang Koperluan							
• Ayam	RM6.49	• Telur Gred A	RM11.90	• Gula Pasir	RM2.85	• Cili Merah	RM9.95
• Daging Lembu Tempatan	RM35	• Ikan Kembung	RM10.99	• Bawang Besar-Holland	RM2.99	• Kubis Bulat Tempatan	RM4.00
• Daging Lembu Import	RM20.50	• Minyak Masak	RM6.40	• Bawang Putih	RM5.49	• Tepung Gandum	RM2.19

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP